

Lelaki ditahan simpan tong LPG di kawasan perumahan

NORLIDA AKMAR IDROS
29 Ogos 2019 4:41 PM



Lelaki berusia 38 tahun ditahan kerana menyimpan tong LPG tanpa lesen di Taman Mutiara, Kulim pada malam semalam.

KULIM - Seorang lelaki ditahan selepas didapati menyimpan 63 tong gas petroleum cecair (LPG) tanpa kebenaran dan lesen sah di kawasan rumahnya di Taman Mutiara, Sungai Kob di sini semalam.

Lelaki berusia 38 tahun itu ditahan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Kulim kira-kira pukul 9.30 malam.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Daerah Kulim, Mohd. Fazly Edros berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan ke atas sebuah rumah di taman perumahan tersebut selepas menerima aduan daripada penduduk sekitar baru-baru ini.

"Penduduk bimbang berlaku kebocoran memandangkan tong gas LPG itu disyaki berisi gas yang merupakan bahan mudah terbakar," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kata beliau, susulan aduan itu, pihaknya melakukan risikan selama seminggu dan mendapati pemilik rumah menjadikan kawasan kediamannya untuk meletakkan lori dengan muatan tong LPG.

"Bekalan tong LPG itu diletakkan di kawasan rumahnya secara sementara sebelum ia diedarkan kepada pelanggan di sekitar Sungai Kob, Padang Serai dan Desa Aman di sini," ujarnya.

Menurut Mohd. Fazly, sepasukan penguat kuasa kemudian membuat pemeriksaan terhadap rumah tersebut sebelum menahan seorang lelaki yang mengaku sebagai pemilik lori berkenaan pada malam kelmarin.

"Siasatan awal mendapati tempat simpanan tong LPG itu tidak mempunyai lesen atau kebenaran bertulis yang sah daripada pengawal bekalan sama ada untuk simpanan atau melakukan urusan niaga barang kawalan itu.

"Pemilik lori juga mengaku tidak pernah memohon lesen daripada KPDNHEP dan kebenaran daripada pihak bomba atas tujuan sama," jelasnya.

Ujarnya, siasatan juga mendapati bekalan barang kawalan itu diambil daripada pembekal atau pemborong di sekitar Jawi, Pulau Pinang yang mempunyai lesen sah daripada KPDNHEP Pulau Pinang.

Tambahnya, kesemua 63 tong LPG pelbagai jenama untuk kegunaan domestik bernilai RM5,563 dan lori bernilai RM19,000 dirampas untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 20(1) dan 21 dan Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Peraturan 9(2)(b) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," katanya. - K! ONLINE

